

(5 Mac 2021) Berita Harian, p. 2

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

6 hospital universiti jadi Pusat Pemberian Vaksin


HPU terima bekalan berperingkat sejak 25 Februari

Kuala Lumpur: Enam hospital pengajar universiti (HPU) diberi tanggungjawab sebagai Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bagi membantu kerajaan melaksanakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, kata Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad.

Beliau berkata, ia adalah Pusat Pakar Perubatan Universiti Teknologi Mara (PPUiTM), Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Universiti Kebangsaan Malaysia (HCTM UKM), Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), Sultan Ahmad Shah Medical Centre @IIUM (SASMEC @IIUM) dan Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia (HPUPM).

Katanya, keenam-enam HPU terbabit sebagai PPV bagi fasa pertama program imunisasi dan menerima vaksin secara berperingkat sejak 25 Februari lalu, dengan PPUM, HCTM UKM, HUSM dan SASMEC @IIUM mulai 1 Mac, manakala PPUiTM (2 Mac) serta HPUPM (mulai 15 Mac).

"Bagi Hospital Universiti Malaysia Sabah (HUMS), ketika ini masih belum berdaftar dengan Kementerian Kesihatan (KKM) untuk dijadikan sebagai PPV. Permohonan dibuat kepada KKM dan HUMS bersedia sekiranya di-



Jururawat menjalankan proses vaksinasi kepada petugas barisan hadapan Hospital UiTM, Sungai Buloh, semalam.

babitkan untuk fasa seterusnya.

"Sehingga kini, sejumlah 22,018 dos vaksin diperuntukkan KKM kepada HPU bagi kegunaan barisan hadapan di HPU," katanya pada sidang media meninjau proses vaksinasi barisan hadapan di PPUiTM, Sungai Buloh, dekat sini semalam.

Noraini memaklumkan, pemberian vaksin itu turut melibatkan sebahagian petugas di Fakulti Perubatan, Fakulti Pergigian dan Pusat Kesihatan Universiti masing-masing.

Memperincikan pecahan pemberian dos vaksin suntikan pertama mengikut HPU, beliau berkata, PPUM menerima 9,389 dos, HCTM UKM (4,134 dos), HUSM (3,148 dos), SASMEC @IIUM

(2,370 dos), HPUPM (1,547 dos), PPUiTM (1,254 dos) dan HUMS (176 dos).

Katanya, semua HPU berkenaan sudah mengendalikan kes pesakit dan ujian saringan COVID-19 sejak 2020.

Ditanya sama ada HPU mempunyai kapasiti bagi menyimpan bekalan vaksin di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, beliau berkata, ketika ini KKM memutuskan HPU berperanan sebagai PPV dan tidak dijadikan sebagai Pusat Simpanan Vaksin (PSV) berikutan kekangan peti sejuk beku sedia ada.

"Bagaimanapun, KKM akan membekalkan tiga peti sejuk *top-loading* kepada SASMEC @IIUM serta sebuah peti sejuk

top-loading dan empat buah *cool box* kepada HPUPM pada Mac 2021 bagi simpanan vaksin masing-masing," katanya.

Sementara itu, Noraini berkata, beliau akan menerima suntikan vaksin pada masa bersesuaian kerana barisan hadapan yang antaranya doktor, jururawat dan petugas makmal di HPU berisiko perlu diberi keutamaan.

"Saya percaya mereka ini petugas barisan hadapan yang perlu kita utamakan. Saya minta supaya mereka ini diberi keutamaan untuk mendapat vaksin, insya-Allah saya akan menerima vaksin pada fasa yang seterusnya, bukan takut tetapi beri keutamaan kepada *frontliners* di HPU," katanya. BERNAMA